

**Zahid cadang ahli PAC angkat sumpah kerahsiaan
Malaysian Insider
Oct 22, 2015
Oleh Diyana Ibrahim**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyarankan ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang bakal diwajibkan untuk melakukan sumpah rahsia supaya tidak mendedahkan dokumen dari hasil siasatan badan bi-partisan itu.

Beliau berkata, selain daripada kerahsiaan tidak mendedahkan dokumen, Putrajaya juga menetapkan hanya pengerusi PAC sahaja yang boleh membuat kenyataan rasmi.

"Saya mencadangkan supaya angkat sumpah simpan rahsia mesti dilakukan ahli PAC," katanya pada sidang media di Parlimen di Kuala Lumpur hari ini. – 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zahid-cadang-ahli-pac-angkat-sumpah-kerahsiaan>